

D987

U 8672 DEB  
MAHATHIR - MELAYU R R R

KUALA LUMPUR, MEI 4 (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMBIDAS GOLONGAN YANG TIDAK BERSYUKUR DENGAN APA YANG DIPEROLEHI HASIL DARIPADA PERPADUAN MELAYU.

+NAMPAKNYA KITA SUDAH LUPA BETAPA NASIB BAIKNYA KITA KERANA PERPADUAN KITA TELAH BERJAYA HENYELAMATKAN KITA,+ KATA BELIAU KEPADA PEMBERITA SELEPAS MEMBUAT RAKAMAN PERUTUSAN UCAPAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI DI ANGKASAPURI DI SINI.

KATANYA- +APABILA INI BERLAKU KITA MENGANGGAP APA YANG ADA PADA KITA SEKARANG INI SEBAGAI PERKARA BIASA SAHAJA.+

+APABILA KITA KURANG BERSYUKUR, KITA TIDAK LAGI AKAN MEMELIHARA SESUATU YANG MEMBERI PERLINDUNGAN KEPADA KITA, IAITU PERPADUAN MELAYU MELALUI UMNO YANG TELAH MENYELAMATKAN KITA,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA BERKATA= +KALAU KITA TIDAK MENJAGA PERPADUAN DAN UMNO, MUNGKIN KITA AKAN TERDEDAH KEPADA BAHAYA LAIN DAN MUNGKIN JUGA KITA AKAN KEHILANGAN SEGALA-GALANYA YANG TELAH DIMENANGI OLEH KITA MELALUI UMNO.+ -- LAGI.

1332MST 0 4 05 89

U B673 DEB  
MAHATHIR - HELAYU 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI SEREMBAN SEMALAM YANG MENGENEPIKAN PERINTAH SEMENTARA YANG MENGHALANG UMNO DARIPADA MENGADAKAN SAHBUTAN ULANG TAHUN KE-43 DI JOHOR BAHRU PADA 10 DAN 11 MEI, BELIAU BERKATA=

+KITA MEMANG YAKIN KITA AKAN MENANG DALAM KES INI, CUMA YANG SEBELAH LAGI ITU MENGAMBIL TINDAKAN YANG TIDAK ADA FAEDAH KALAU BENARLAH MEREKA HENDAK MENGHIDUPKAN SEMANGAT '46.+

KATANYA, CARA YANG BAIK IALAH DENGAN MERAYAKAN HARI PENUBUHAN UMNO ITU SENDIRI. +KITA TIDAK HALANG SESIAPA, KALAU ORANG LAIN NAK MERAYAKANNYA, KITA TAK HALANG.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU PERCAYA ANGGOTA UMNO AKAN HADIR DENGAN BANYAKNYA PADA PERHIMPUNAN 11 MEI ITU DAN MEREKA SUDAH TENTU AKAN LEBIH BERSEMANGAT KERANA ADA PERCUBAAN MENGHALANGKAN MEREKA DARIPADA MERAYAKAN HARI YANG +KERAMAT+ ITU.

BELIAU BERKATA PERPECAHAN YANG BERLAKU DI KALANGAN ORANG MELAYU DISEBABKAN ADANYA ORANG YANG TIDAK TAHU LANGSUNG TENTANG SEJARAH PERPADUAN ORANG MELAYU DAN UMNO.

MEREKA YANG CUMA MELIHAT UMNO SEBAGAI ALAT UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI ITU TELAH MENGAKIBATKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU DAN ANGGOTA UMNO, TAMBAH BELIAU. -- LAGI.

1334MST 04 05 a9

U 8674 DEB  
MAHATHIR - MELAYU 3 KUALA LUMPUR

+KALAU MEREKA BETUL-BETUL SEDAR AKAN SEMANGAT TAHUN 1946 PERKARA YANG SEDANG KITA LIHAT TIDAK MUNGKIN BERLAKU,+ KATA BELIAU.

TETAPI, KATA BELIAU, +OLEH KERANA GENERASI MUDA YANG PADA KETIKA PENUBUHAN UMNO ITU MUNGKIN AGAK TERLALU KECIL ATAU MUNGKIN BELUM LAHIR LAGI, MEREKA TIDAK TAHU TENTANG TEKanan YANG DIHADAPI OLEH ORANG MELAYU DAN TIDAK MENGHARGAI PERPADUAN DALAM PARTI SEHINGGA SANGGUP MENGHANCURKANNYA DAN MENYEBABKAN IA HARAM.+

MENGENAI TINDAK TANDUK MTUC AKHIR-AKHIR INI, PERDANA MENTERI BERKATA KALAU PERTUBUHAN DAN KESATUAN SEKERJA DI PERALATKAN OLEH ORANG POLITIK, PERLU LAH DITUBUHKAN PERSATUAN LAIN YANG BETUL-BETUL MEWAKILI PEKERJA DAN YANG MEMPUNYAI KEPENTINGAN PEKERJA SEBAGAI PERKARA PERTAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, +KALAU MTUC MENJADI ALAT POLITIK ORANG TERTENTU, MTUC TIDAK MUNGKIN BERJAYA DALAH PERJUANGANNYA KERANA SUDAH TENTU MTUC BERSIKAP ANTIKERAJAAN YANG AKAN MENYUKARKAN KERAJAAN MEMBERI KERJASAMA KEPADANYA.+

+SEBELUM TERLEWAT 'ELOKLAH IA MEMIKIRKAN PERANANNYA SEBAGAI WAKIL PEKERJA,+ TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA KALAU MTUC MENGANGGAP DIRINYA SEBAGAI BADAN POLITIK UNTUK HENENTANG KERAJAAN DAN UNTUK BERKERJASAMA DENGAN PARTI LAWAN DAN KUMPULAN TERTENTU, PERANANNYA SEBAGAI WAKIL PEKERJA SUDAH TAMAT, MAKA PEKERJA MESTILAH HENUBUHKAN SATU BADAN UNTUK MEWAKILI DAN MEMELIHARA KEPENTINGAN MEREKA. -- BERNAMA.

1341MST 04 05 89